

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/03/2008

UM - 20/3/2008

## ● Shahrizat dan Ng Yen Yen

PUTRAJAYA 19 Mac - Pelantikan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sebagai Penasihat Khas Perdana Menteri dalam hal berkaitan pembangunan wanita dan sosial tidak akan bertindih dengan tugas Datuk Dr. Ng Yen Yen yang menerajui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kedua-duanya akan memainkan peranan yang berbeza dan saling bantu-membantu menyelesaikan masalah berkaitan keluarga dan wanita yang semakin rumit hari ini.

"Golongan wanita ini bertambah besar. Macam-macam masalah yang ada dan juga boleh jadi golongan yang paling besar adalah wanita Melayu, beragama Islam. Banyak perkara yang perlu

diberi perhatian.

"Oleh itu saya telah bercakap dengan Datuk Ng Yen Yen mengenai perkara ini dan dia amat faham iaitu hal-hal berkaitan wanita ini ada baiknya Shahrizat bagi perhatian kepada isu berkaitan undang-undang keluarga Islam," katanya.

"Apa yang perlu diselaras dengan kementerian sudah semestinya Shahrizat akan menghubungi Yen Yen. Takkanlah dia akan buat sesuatu dengan tidak menghubungi langsung (Yen Yen). Itu bukan budaya kerja. Itu bersaing hendak bergaduh namanya. Saya tak suka," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya rungutan Wanita UMNO yang tiada wakil dalam Kabinet kali ini, Perdana Menteri berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan pergerakan itu.

"Saya harap mereka faham kerana tidak ramai Wanita UMNO yang menang pada pilihan raya umum lalu," katanya.

Dalam pada itu, ditanya mengenai keputusan Exco Pergerakan Pemuda UMNO tidak mengambil tindakan ke atas Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Mahathir yang mendesak beliau meletak jawatan berikutan pencapaian buruk BN pada pilihan raya umum baru-baru ini, Abdullah berkata:

"Itu keputusan Pemuda, jika mereka fikir itu yang terbaik untuk parti, terpulang kepada mereka. Saya tidak menentukan apa yang Pemuda boleh dan tidak boleh buat.

"Saya dah minta Pemuda buat ketetapan... biarlah mereka buat keputusan dan mereka sudah buat keputusan, jadi, okeylah."